

KENYATAAN MEDIA

15 APRIL 2021

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

Dapatkan Khidmat dan Nasihat Berkenaan Elektrik Hanya Daripada Pihak Yang Ditauliah ST

Putrajaya, 15 April – Suruhanjaya Tenaga (ST) menggesa semua pihak agar mendapatkan khidmat dan nasihat berkenaan keselamatan, penyelenggaraan, pembaikan dan pemasangan elektrik HANYA daripada pihak yang ditauliah oleh Suruhanjaya Tenaga (ST), iaitu pemegang perakuan kekompetenan daripada ST, pemegang lesen awam dan kontraktor-kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST bagi menjamin keselamatan orang ramai.

Ini kerana, bagi mendapatkan perakuan kekompetenan daripada ST, calon-calon berkenaan perlu melalui peperiksaan teori, praktikal dan lisan bagi memastikan kefahaman dan tatacara pengendalian elektrik yang betul dan selamat. Begitu juga pemegang lesen awam dan kontraktor-kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST, di mana mereka perlu mengambil orang kompeten sepenuh masa yang berkaitan dan berdaftar dengan ST. Ini sekaligus akan menjamin keselamatan orang ramai apabila menggunakan khidmat atau nasihat daripada mereka.

Bagi mengenali pemegang perakuan kekompetenan ST, orang ramai boleh menyemak dan meminta mereka untuk menunjukkan Sijil Kompeten ST atau Kad Pendaftaran Orang Kompeten (*Competent Person Identification Card – CPIC*) sebelum membuat sebarang lantikan dalam menjalankan sebarang kerja elektrik. Bagi membuat kerja-kerja elektrik, CPIC diberi kepada orang kompeten yang bekerja dengan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST. Orang ramai juga boleh mengimbas QR Code yang terdapat pada kad tersebut bagi memastikan data yang diberikan bersamaan dengan data pada kad. Selain itu, laman web ST

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

(www.st.gov.my) juga ada memaparkan senarai kontraktor dan orang kompeten yang berdaftar dengan ST yang boleh dirujuk oleh orang ramai.

Sebagai badan kawal selia sektor tenaga negara, keselamatan orang ramai merupakan keutamaan ST. Untuk itu, orang ramai diseru untuk memilih khidmat dan nasihat daripada pihak yang ditauliah ini, bagi mengelakkan kes-kes kemalangan elektrik yang tidak diingini.

ST juga memandang serius terhadap pihak-pihak yang tidak bertauliah yang secara terbuka memberi nasihat-nasihat yang salah berkenaan elektrik, sama ada melalui media sosial atau media elektronik, dan sedang mempertimbangkan tindakan undang-undang bagi mengelakkan kejadian sedemikian berulang kembali.

Sekiranya mempunyai aduan berkenaan perkara ini, orang ramai boleh menyalurkan segera aduan tersebut ke sistem aduan ST (eAduan) yang boleh dicapai di laman web yang sama atau melalui talian 03-8870 8800 atau email ke eAduan@st.gov.my.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03 8870 8598/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)

Emel: zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.